# Pertahan warisan, sejarah

SH 2/5.

***Johari sedia perjuang hak komuniti setempat terlibat pembangunan semula***

HIDAYAH HAIROM

**KUALA LUMPUR**

FOTO: SHARIFUDDIN ABDUL RAHIM



Johari membelek akhbar *Sinar Harian* bersama masyarakat Titiwangsa di Masjid Al-Akram.



Johari bersalam dengan rakyat pada program di Desa Pahlawan.

Pembangunan boleh dilaksanakan di Parlimen Titiwangsa tetapi perlu mengekalkan ciri warisan dan sejarah di sesuatu kawasan dan paling penting tidak mengetepikan hak komuniti setempat.

Semalam, Pasar Dato' Keramat sekali lagi menjadi tumpuan media apabila Calon BN Titiwangsa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani buat kesekian kalinya kembali meninjau kawasan peniagaan Melayu tengah bandar itu.

Beliau menyatakan komitmennya dalam mempertahankan isu pembangunan semula pasar berusia lebih 40 tahun itu dengan jaminan bersedia terlibat dalam meja rundingan bersama pemaju dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Anak jati Titiwangsa itu, turut terkesan dengan kebimbangan yang dilahirkan peniaga-peniaga di pasar berkenaan berhubung status tanah pasar berkenaan yang bakal dibangunkan tanpa sebarang jaminan penempatan semula mereka.

"Saya menyokong pembangunan tetapi saya mahu supaya tapak ini dibangunkan pasar moden yang lebih elok dan baik tanpa memindahkan peniaga ketika proses pembangunan.

"Peniaga-peniaga gusar dengan keadaan mereka kerana tidak mahu apa yang berlaku di Chow Kit berlaku di sini apabila projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan setelah peniaga dipindahkan sementara.

"Tanah ini adalah kawasan sejarah. Mereka mahu bagaimana kita boleh bangunkan kawasan ini dengan mengambil kira pasar-pasar tradisi ini kekal di sini tapi dengan bentuk yang lebih moden bersih dan lebih selesa untuk dikunjungi," katanya ketika sesi walkabout di Pasar Dato' Keramat, semalam.

Isu pembangunan pasar berkenaan bukan baharu malah sering dijadikan modal pembangkang bagi menggambarkan kegagalan pemimpin kawasan dalam memperjuangkan nasib peniaga.

Sebaliknya, selaku wakil rakyat pada penggal lalu, Johari dilihat memainkan peranannya melindungi pasar itu daripada terus lenyap dek pembangunan.

Selain Pasar Dato' Keramat, Pasar Wirawati Kampung Pandan dan Perumahan Awam Seri Perlis 2 merupakan antara kawasan tersenarai untuk rancangan pembangunan semula.

Johari berkata, apa sekalipun pembangunan yang mahu dibuat, beliau mahu ianya tidak mengetepikan komuniti asal.

"Saya ikut apa yang rakyat mahu. Apa pun rancangan pembangunan, semua penduduk atau peniaga perlu dilibatkan dan saya akan campur tangan demi membela hak rakyat Titiwangsa," katanya.

#HebatkanNegaraku

## 'Datuk Jo harapan kami'

**PERJUANGAN** Ketua Umno Bahagian Titiwangsa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani dalam mempertahankan Pasar Dato' Keramat bukan perkara asing buat peniaga, dan sehingga kini mereka masih meletakkan harapan besar kepada Johari agar bela nasib mereka.



**"Saya harap beliau bantu pertahankan pasar ini. Sukar jika pasar ini tiada. Saya percaya beliau tahu selok-belok tentang pasar ini. Siapa lagi yang mahu tolong kami. Semua orang tahu beliaulah pembela untuk Pasar Dato' Keramat." - Mohd Yusof Sihat, 60**



**"Kami sokong agar beliau bantu kerana ini periuk nasi kami sebagai peniaga. Kami memang harap pada beliau kerana selama ini beliau yang banyak membantu." - Hasbullah Shamim Ahmad, 48**



**"Saya hanya yakin dengan Datuk Jo untuk bantu pertahankan hak peniaga berbanding calon lain." - Mohd Zamzuri Mohd Nor, 50**

PRU14 #kuasarakyat





Johari memakaikan topi BN kepada Letchumy A/P



